Perubahan sistem pendidikan yang menyeluruh telah bermula di peringkat sekolah rendah seperti menggunakan kurikulum baru Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) yang mengandungi elemen literasi sains dan teknologi. Di peringkat menengah pula, KPM telah memperkenalkan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) dan membuat penyesuaian terhadap dasar 60:40 bagi sains dan sastera dengan menyasarkan 60% enrolmen peringkat menengah atas berada dalam laluan akademik (masih menggunakan nisbah 60:40 bagi aliran sains dan sastera) dan 40% yang lain dalam laluan vokasional (Kementerian Pendidikan Malaysia [KPM], 2015). Manakala, di peringkat pengajian tinggi, program teknikal hibrid diperkenalkan dan berfokus kepada gabungan sains konvensional, sains komputer dan program akademik sains tulen (KPTM, 2018).



daripada masa ke masa. Contohnya, bermula sesi 2011/2012 Program Matrikulasi menawarkan tiga aliran utama iaitu sains, perakaunan dan teknikal dan mempunyai dua mod program iaitu Program Satu Tahun (PST) dan Program Dua Tahun (PDT). Selain itu, aliran Sains yang ditawarkan pula terdiri daripada tiga modul iaitu M1 (Modul I), M2 (Modul II), dan M3 (Modul III). Perincian bagi setiap modul dipaparkan seperti Jadual 1.1.





Jadual 1.1

Subjek Khusus yang Wajib Diambil bagi Setiap Modul dalam Program Matrikulasi

MODUL	SUBJEK KHUSUS
SATU (M1)	Biologi, Kimia, Fizik dan Matemati
DUA (M2)	Komputer Sains, Kimia, Fizik dan Matematik
TIGA (M3)	Biologi, Kimia, Komputer Sains dan Matematik


Berdasarkan Jadual 1.1, ketiga-tiga modul diwajibkan untuk mengambil subjek Matematik dan Kimia. Manakala, subjek Fizik, Biologi dan Komputer Sains boleh dipilih oleh pelajar berdasarkan keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan hala tuju kerjaya mereka.



Pelajar aliran Sains dalam Program Matrikulasi perlu menghadiri kuliah, tutorial dan amali mengikut jam kredit yang telah ditetapkan berdasarkan spesifikasi kurikulum. Seperti institut pengajian tinggi yang lain, Spesifikasi Kurikulum Program Matrikulasi adalah berteraskan Pendidikan Berasaskan Hasil (*Outcome-Based Education*, OBE). Peningkatan kualiti dan keberhasilan pelajar daripada aspek pengetahuan dan kefahaman dalam membuat sesuatu merupakan fokus utama dalam OBE (Uvathi Mariappan, Arsaythamby Veloo & Kanageswari Suppiah Shanmugam, 2018). Justeru itu, pelaksanaan OBE di Program Matrikulasi memerlukan pensyarah matrikulasi untuk mempelbagaikan cara pengajaran dan melibatkan pelajar dalam proses sesuatu pembelajaran seperti yang diutarakan oleh Siti Halijah Ngadiman dan Mohd Faizal Jamaludin (2018).



Sebagai program lepasan menengah utama di bawah KPM, Program Matrikulasi menerima enrolmen sekitar 17 000 orang pelajar bagi setiap sesi (KPM, 2018b). Rajah 1.1 berikut menunjukkan enrolmen pelajar di bawah KPM termasuk lepasan menengah seperti Program Matrikulasi, Tingkatan Enam dan Kolej Vokasional.



Rajah 1.1. Enrolmen Pelajar di Bawah KPM

Berdasarkan Rajah 1.1 peratus enrolmen pelajar lepasan menengah yang menyambung pengajian dalam aliran Sains di bawah KPM hanya sekitar 20.4%. Walaupun nilai ini tidak mencapai dasar 60:40, peratus tertinggi enrolmen pelajar lepasan menengah dalam aliran Sains di bawah KPM adalah daripada Program Matrikulasi, iaitu sebanyak 45.5% daripada keseluruhan pelajar lepasan menengah. Nilai ini membuktikan komitmen KPM melalui Bahagian Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia (BMKPM) untuk memberi peluang kepada pelajar-pelajar



meneruskan pengajian dalam aliran Sains dan seterusnya melahirkan pekerja yang berkemahiran dalam menempuh IR 4.0.

1.3 Penyataan Masalah

Arus perkembangan IR 4.0 yang pantas menyebabkan graduan yang diperlukan dalam pasaran pekerjaan adalah di kalangan mereka yang mempunyai pelbagai kemahiran terutamanya dalam bidang teknologi (Rozana Sani, 2019). Walau bagaimanapun, dasar 60:40, iaitu nisbah enrolmen pelajar bidang Sains dan Sastera yang telah dijalankan oleh KPM sejak tahun 1967 tidak pernah mencapai sasaran (Fatin Aliah Phang, Mohd Salleh Abu, Mohammad Bilal Ali & Salmiza Salleh, 2014; Suhanna Zainudin, Lilia Halim & Zanaton Ikhsan, 2015). Malah, saban tahun bilangan pelajar yang mengambil aliran Sains menurun sebanyak 6 000 orang setahun (Wan Faizal Ismayatim, 2019). Rajah 1.1 memaparkan jumlah pelajar program matrikulasi pada tahun 2017 juga tidak mencapai sasaran 60:40. Natiujahnya, graduan Sains dan tenaga kerja tempatan yang mahir akan terus berkurangan dari tahun ke tahun.

Selain itu, pencapaian pelajar dalam aliran Sains juga dilihat masih di tahap yang sederhana. Penyertaan Malaysia sejak tahun 1999 dalam program *Trends in International Mathematics and Science Study* (TIMSS) dan *Programme for International Student Assessment* (PISA) menunjukkan keputusan pencapaian yang tidak konsisten dan ketinggalan terutamanya dalam aliran Sains (Fairuz Aliaa Fadzil & Siti Nur Diyana Mahmud, 2019). Pencapaian Sains yang tidak memberangsangkan di peringkat sekolah telah menyebabkan masalah yang lebih kritikal di peringkat





matrikulasi. Hal ini turut dikukuhkan dengan laporan ketua pemeriksa Peperiksaan Semester Program Matrikulasi bagi subjek Fizik sesi 2013/2014 yang mendapati bahawa kefahaman konsep asas Fizik pelajar matrikulasi masih di tahap lemah dan pelajar hanya menghafal rumus tanpa memahami konsep sebaiknya.

Terdapat tujuh tema dalam subjek Fizik KSSM, iaitu; (i) Asas Fizik, (ii) Mekanik *Newton*, (iii) Haba, (iv) Gelombang, Cahaya dan Optik, (v) Elektrik dan Elektromagnet, (vi) Fizik Gunaan dan (vii) Fizik Moden (KPM, 2018). Topik Elektromagnet merupakan salah satu topik dalam subjek Fizik yang sukar dikuasai di semua peringkat disebabkan sifatnya yang abstrak, sukar untuk dibayangkan dalam bentuk visual dan seterusnya menyumbang kepada peratus gagal yang tinggi (Barma & Daniel, 2017; Karacop, 2017; Plotz, 2017; Potkonjak et al., 2016). Perkara ini disokong oleh Zuza, Almudi, Leniz dan Guisasola (2014) yang menyatakan konsep asas teori Aruhan Elektromagnet didapati sukar untuk difahami pelajar. Hal ini tiada percanggahan apabila analisis kertas akhir peperiksaan Program Matrikulasi mendapati topik Aruhan Elektromagnet adalah antara topik yang tidak popular di kalangan pelajar matrikulasi dan majoriti pelajar tidak dapat menghubungkan kait arah arus aruhan menggunakan Hukum *Lenz's* dengan tepat.

Penguasaan konsep yang lemah dalam Topik Aruhan Elektromagnet juga disebabkan oleh kaedah pembelajarannya. Pendekatan pembelajaran subjek Fizik yang terhad, kaedah pembelajaran secara konvensional dan menjurus kepada hafalan serta latih tubi menyumbang kepada masalah penguasaan konsep (Asiksoy & Özdamli, 2016; Lilia Halim, Yong & Tamby Subahan Mohd Meerah, 2014; Mohd. Jasmy Abd Rahman, Mohd Arif Ismail & Muhammad Nasir, 2014; Yildirim & Sensoy, 2018).





Misalnya, penggunaan buku teks semata-mata dalam pembelajaran topik Aruhan Elektromagnet menimbulkan beberapa kesukaran seperti penerangan yang tidak jelas dan gambar rajah yang mengelirukan dalam penerangan mengenai gelung arus berputar di medan magnet (Zajkov, Gegovska-Zajkova & Mitrevski, 2017).

Kesukaran dalam memahami konsep Fizik bukan sahaja menyebabkan pencapaian pelajar kurang memberangsangkan, bahkan pelajar juga didapati bersikap negatif terhadap pembelajaran Fizik seperti kurang berminat, merasakan konsep Fizik terlalu sukar dan mengandungi beban kerja yang berat serta bersifat eksklusif (Lilia Halim et al., 2014; Sağlam, 2010; Wang, Zahra Hazari, Cass & Lock, 2018). Di peringkat matrikulasi, sikap dan pengetahuan pelajar terhadap kemahiran berfikir aras tinggi hanya di tahap sederhana (Padmanaban Madawan, Ruhizan Muhammad Yasin & Mohd Isa Hamzah, 2017; Siti Adilah Sabarudin, Sarani Zakaria & Kamisah Osman, 2020). Walaupun profil pelajar matrikulasi secara keseluruhannya adalah bersikap mirip pakar, namun daripada aspek struktur pengetahuan, pelajar matrikulasi diklasifikasikan sebagai sikap novis kerana mempunyai masalah dengan aplikasi Fizik (Mohd Noor Badlilshah Abdul Kadir, Mohd Mustamam Abdul Karim & Nurulhuda Abd. Rahman, 2016). Oleh itu, kajian terhadap sikap dan kaedah pembelajaran yang dapat menarik pelajar Sains perlu diperbanyakkan kerana sikap pelajar akan berkekalan berbanding kualiti pengetahuan yang lebih bersifat sementara (Osborne, Simon & Collins, 2003).

Pengintegrasian teknologi dalam pembelajaran Fizik sama ada bagi pelajar bersikap novis mahupun pakar seperti penggunaan multimedia dan simulasi dalam pembelajaran menjadikan sesuatu pembelajaran itu lebih menarik dan mudah serta





dapat membantu pelajar (Barma & Daniel, 2017; Clemente, Esquembre & Wee, 2017; Dbowska, et al., 2013; Pieper & Serrano, 2016). Namun begitu, isu kekurangan kemahiran di kalangan pendidik menyebabkan pengintegrasian teknologi dalam pembelajaran kurang dilakukan secara optimum. Misalnya, penggunaan *Moodle* sebagai sistem pengurusan pembelajaran di sebuah kolej matrikulasi telah menyebabkan pensyarah lebih memfokuskan kepada cara pengendaliannya berbanding kemampuan teknologi tersebut dalam meningkatkan pencapaian pelajar (Lok, 2012). Selain itu, pengintegrasian teknologi seperti penggunaan telefon pintar dalam pembelajaran perlu dilaksanakan dalam menyahut seruan KPM (2013) dalam memanfaatkan teknologi bagi meningkatkan kualiti pembelajaran dan seterusnya mempelbagaikan kaedah pembelajaran dalam mendepani cabaran digital pada masa akan datang.



Tambahan lagi, tempoh pembelajaran di peringkat matrikulasi secara bersemuka yang terhad menyebabkan pensyarah menghadapi kekangan masa untuk melaksanakan pendekatan pembelajaran yang pelbagai (Azlina Mazlan, 2018). Kesannya, proses pembelajaran pelajar matrikulasi hanya berorientasikan peperiksaan. Nur'Ainiza Nuruddin dan Mordiah Morshidi (2017) pula menyatakan pelajar matrikulasi sukar untuk melakukan penyelesaian masalah dalam beberapa topik seperti Elektromagnet. Oleh itu, penyediaan modul pembelajaran sendiri yang boleh diakses secara terus oleh pelajar boleh digunakan sebagai bahan rujukan, pemulihan dan latihan tambahan mengikut kesesuaian dan kemampuan pelajar (Azwin Arif et al., 2014).

Shaharudddin Md Salleh (2008) juga telah mengambil pendekatan untuk meningkatkan penguasaan dan pencapaian pelajar dengan membangunkan sebuah





modul pembelajaran sendiri dalam topik Elektromagnet berdasarkan sukatan mata pelajaran Fizik Tingkatan Lima yang lama. Selain itu, terdapat juga modul Fizik yang dibangunkan khusus untuk pelajar matrikulasi, seperti modul yang dibangunkan oleh Azlina Mazlan (2018) dan Siti Rohaida Hashim (2017). Namun begitu, kedua-dua modul ini menggunakan pendekatan pengajaran seperti berasaskan otak dengan integrasi *I-think* dan *Brain Gym* (Azlina Mazlan, 2018) dan pengajaran berasaskan kaedah inkuiri bagi tajuk jatuh bebas dan gerakan luncuran (Siti Rohaida Bt Hashim, 2017). Oleh itu, masih kurang kajian dilakukan terhadap pembangunan modul pembelajaran sendiri di kalangan pelajar matrikulasi dalam topik Aruhan Elektromagnet.

Kajian-kajian lepas (e.g., Kalogiannakis, Ampartzaki, Papadakis & Skaraki, 2018; Lemmer, Kriek & Erasmus, 2018; Pieper & Serrano, 2016) untuk membantu pelajar dalam topik Aruhan Elektromagnet adalah di luar konteks pelajar matrikulasi di Malaysia. Pengintegrasian teknologi seperti simulasi, nota, video dan latihan yang pelbagai berdasarkan konteks program matrikulasi dalam topik Aruhan Elektromagnet dapat meringankan kesukaran dalam pembelajaran Aruhan Elektromagnet seperti yang dinyatakan oleh Dbowska et al. (2013). Sungguhpun terdapat lambakan bahan pembelajaran bagi topik Aruhan Elektromagnet yang berasaskan teknologi atas talian, namun bahan-bahan ini adalah kurang bersesuaian kerana skop pembelajaran yang luas dan berbeza daripada sukatan pelajaran yang ditetapkan oleh BMKPM.

Jelas daripada kajian dan dapatan terdahulu, penguasaan pelajar dalam pembelajaran sendiri topik Aruhan Elektromagnet memerlukan penguasaan konsep asas yang sebahagiannya abstrak melalui gaya penyampaian yang bukan sekadar teks





dan kertas sahaja. Dengan adanya kemudahan dan teknologi seperti telefon pintar, penyelidik percaya ilmu Fizik terutamanya bagi topik Aruhan Elektromagnet dapat dipersembahkan dalam bentuk yang lebih interaktif dalam pembelajaran sendiri pelajar. Oleh yang demikian, terdapat keperluan untuk penyelidik melakukan penelitian dalam konteks pelajar matrikulasi tentang kesan pengintegrasian teknologi seperti pembangunan sebuah modul pembelajaran sendiri menggunakan aplikasi *Moodle* melalui telefon pintar bagi topik Aruhan Elektromagnet dalam kalangan pelajar yang berbeza sikap.

1.4 Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk membangunkan Modul MI-EM, sebuah modul pembelajaran sendiri yang interaktif dan diintegrasikan dengan kemudahan teknologi menggunakan aplikasi *Moodle* melalui telefon pintar bagi topik Aruhan Elektromagnet dan diuji kesan penggunaannya terhadap pencapaian pelajar matrikulasi yang berbeza sikap.

1.5 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Mereka bentuk dan membangunkan Modul MI-EM untuk pelajar matrikulasi bagi topik Aruhan Elektromagnet.
- ii. Menguji kesan Modul MI-EM terhadap pencapaian Ujian Aruhan Elektromagnet (UAE) pelajar matrikulasi yang berbeza sikap.



- iii. Mengenal pasti perubahan sikap terhadap pembelajaran Fizik setelah menggunakan modul pembelajaran sendiri dan hubungannya dengan kategori pencapaian UAE pelajar matrikulasi.

1.6 Persoalan Kajian

Untuk mencapai objektif kajian yang telah dikenal pasti, beberapa persoalan kajian yang dipertimbangkan. Antara persoalannya adalah;

- i. Adakah Modul MI-EM yang dibangunkan mempunyai kesahan dan kebolegunaan yang memuaskan?
- ii. Adakah Modul MI-EM yang dibangunkan memberi kesan terhadap pencapaian UAE pelajar matrikulasi yang berbeza sikap?
- iii. Adakah terdapat perubahan sikap terhadap pembelajaran Fizik setelah menggunakan modul pembelajaran sendiri, dan apakah hubungan perubahan sikap dengan kategori pencapaian UAE pelajar matrikulasi?

1.7 Hipotesis Kajian

Dalam kajian ini, hipotesis nol digunakan. Berikut merupakan hipotesis nol bagi persoalan kajian kedua yang telah dibina:

H_{01} : Tiada perbezaan yang signifikan dalam skor pra UAE antara kumpulan kawalan dengan kumpulan rawatan.

H₀₂: Tiada perbezaan yang signifikan dalam pencapaian (perbezaan skor pasca UAE dengan skor pra UAE) antara kumpulan kawalan dengan rawatan.

H₀₃: Tiada perbezaan yang signifikan antara skor pasca UAE dengan skor pra UAE bagi kumpulan rawatan.

H₀₄: Tiada perbezaan yang signifikan antara skor pasca UAE dengan skor pra UAE bagi kumpulan kawalan.

H₀₅: Tiada perbezaan yang signifikan dalam pencapaian UAE antara kelompok sikap novis dengan kelompok sikap pakar.

H₀₆: Tiada perbezaan yang signifikan dalam pencapaian UAE antara kumpulan kawalan dengan rawatan bagi kelompok sikap pakar.

H₀₇: Tiada perbezaan yang signifikan dalam pencapaian UAE antara kumpulan kawalan dengan rawatan bagi kelompok sikap novis.

H₀₈: Tiada perbezaan yang signifikan dalam pencapaian UAE antara kelompok sikap novis dengan kelompok sikap pakar bagi kumpulan kawalan.

H₀₉: Tiada perbezaan yang signifikan dalam pencapaian UAE antara kelompok sikap novis dengan kelompok sikap pakar bagi kumpulan rawatan.


Manakala bagi persoalan kajian ketiga, hipotesis nol yang dibina ialah:

H_{o10} : Tidak terdapat perhubungan yang signifikan antara ujian pra sikap dengan ujian pasca sikap selepas menggunakan modul pembelajaran sendiri.

H_{o11} : Tidak terdapat perhubungan yang signifikan antara perubahan sikap (pra kepada pasca) dengan kategori pencapaian UAE.

1.8 Kerangka Konseptual Kajian

Dalam kajian ini, terdapat dua pemboleh ubah bebas iaitu modul pembelajaran sendiri dan sikap terhadap pembelajaran Fizik (STPF). Manakala pemboleh ubah bersandar dalam kajian ini ialah pencapaian UAE. Rajah 1.2 berikut merupakan kerangka konseptual bagi kajian ini.



Rajah 1.2. Kerangka Konseptual Kajian



Berdasarkan Rajah 1.2, terdapat dua modul pembelajaran sendiri yang diaplikasikan iaitu modul konvensional dan Modul MI-EM. Modul konvensional bagi kumpulan kawalan merupakan modul pembelajaran sendiri yang merangkumi penggunaan nota, contoh penyelesaian masalah dan latihan melalui kertas, manakala bagi kumpulan rawatan, pembelajaran secara sendiri dilaksanakan menggunakan Modul MI-EM yang mengandungi nota, latihan, contoh penyelesaian masalah, simulasi, video dan kuiz yang interaktif dan digunakan melalui aplikasi *Moodle* di telefon pintar. Selain itu, Modul MI-EM dibangunkan berdasarkan pembangunan Model ADDIE dengan mengaplikasikan Sembilan Peristiwa Pembelajaran Instruksi *Gagne* dan Teori Pembelajaran Multimedia *Mayer*. Setelah dibangunkan berdasarkan teori-teori dan model yang dinyatakan, Modul MI-EM diuji kesahan dan kebolehgunaan. Beberapa teori lain yang turut di aplikasi dalam membantu kajian ini ialah Teori Pembelajaran Mudah Alih, Teori Pembelajaran Sosial Konstruktivisme, Teori Pembelajaran Behaviourisme dan Taksonomi *Bloom*.

Kajian ini bermula dengan mengenal pasti sikap pelajar matrikulasi terhadap pembelajaran Fizik dan pengetahuan pelajar dalam topik Aruhan Elektromagnet sebelum modul pembelajaran sendiri digunakan. Setelah intervensi dalam pembelajaran sendiri bagi kumpulan kawalan dan rawatan dilaksanakan, pengetahuan dan sikap pelajar matrikulasi diukur sekali lagi di akhir kajian. Pencapaian UAE, iaitu perbezaan tahap pencapaian pelajar matrikulasi di awal dan di akhir kajian bagi kedua-dua kumpulan dikenal pasti dan hubungannya dengan perubahan sikap juga dikaji. Perbincangan secara terperinci mengenai prosedur kajian akan dibincangkan dalam bab metodologi.



1.9 Definisi Istilah

Istilah yang betul, tepat dan sesuai perlulah mengikut konteks kajian sesuatu bidang ilmu pengetahuan. Berikut merupakan definisi istilah yang digunakan dalam kajian ini seperti modul pembelajaran sendiri sama ada secara konvensional atau Modul Interaktif Elektromagnet, MI-EM dan definisi istilah bagi Aruhan Elektromagnet.

1.9.1 Modul Pembelajaran Kendiri

Modul merupakan satu unit sendiri yang dirancang aktiviti pembelajarannya untuk membantu pelajar mencapai objektif yang telah ditetapkan (Goldschmid & Goldschmid, 1973). Selain daripada satu siri aktiviti yang dirancang dengan sistematik, modul pembelajaran juga merupakan satu kaedah alternatif untuk pembelajaran pelajar secara sendiri (Muhammad Asri Madmor et al., 2016). Dalam kajian ini, modul pembelajaran sendiri bermaksud pembelajaran secara sendiri (*self-study*) menggunakan modul, iaitu modul konvensional atau Modul MI-EM bagi pelajar matrikulasi.

1.9.1.1 Modul Pembelajaran Kendiri Menggunakan Modul MI-EM

Aplikasi *Moodle* di telefon pintar digunakan oleh para pelajar matrikulasi untuk menggunakan Modul MI-EM semasa pembelajaran sendiri di luar waktu pengajaran dan pembelajaran Fizik. Modul MI-EM mempunyai elemen-elemen interaktif seperti



nota, contoh penyelesaian masalah, latihan, simulasi, video dan kuiz. Modul ini digunakan tanpa penglibatan pensyarah secara langsung seperti memberi penerangan mengenai konsep Aruhan Elektromagnet, membuat kelas tambahan atau konsultasi bersama pelajar. Pensyarah hanya mengingatkan para pelajar untuk menggunakan Modul MI-EM sepanjang proses kajian dijalankan. Malah, pembelajaran sendiri ini berlaku sebelum pembelajaran sebenar di kelas bersama pensyarah. Penerangan mengenai proses pembelajaran sendiri menggunakan modul MI-EM diterangkan dalam Bab 3, bab pembangunan modul MI-EM di bahagian pelaksanaan.

1.9.1.2 Modul Pembelajaran Kendiri Menggunakan Modul Konvensional



Pembelajaran sendiri menggunakan modul konvensional bagi kumpulan kawalan pula adalah dengan menggunakan nota dan latihan dalam topik yang sama, Topik Aruhan Elektromagnet. Isi kandungan dalam nota dan latihan yang diedarkan melalui kertas adalah sama dengan kandungan nota, contoh penyelesaian masalah dan latihan di dalam Modul MI-EM. Malah, tempoh masa penggunaan modul dan tiada pengajaran daripada pensyarah adalah sama seperti kumpulan rawatan. Penerangan lanjut mengenai proses pembelajaran secara konvensional diterangkan dalam Bab 4 di bahagian metodologi.

1.9.2 Aruhan Elektromagnet

Aruhan Elektromagnet pula merupakan salah satu cabang bagi topik Elektromagnet. Menurut kerangka teori Maxwell, Aruhan Elektromagnet merupakan perhubungan





antara perubahan medan magnet dan pergerakan sesuatu konduktor dalam medan magnet atau gabungan keduanya (Zuza et al., 2014). Di Program Matrikulasi, topik Elektromagnet diajar dalam dua tajuk utama iaitu Medan Elektromagnet dan Aruhan Elektromagnet. Dalam kajian ini, topik Aruhan Elektromagnet sahaja yang dipilih berbanding topik Medan Elektromagnet. Ini kerana, hanya topik Aruhan Elektromagnet sahaja yang diuji semasa peperiksaan semester program matrikulasi berdasarkan sukatan pelajaran BMKPM. Di samping itu, topik ini merupakan topik yang mempunyai penilaian kedua tertinggi dalam peratusan markah bagi Peperiksaan Akhir Semester Matrikulasi (PSPM). Selain itu, topik Aruhan Elektromagnet dalam Modul MI-EM dibangunkan berdasarkan sukatan pelajaran BMKPM.



1.10 Definisi Operasional

Bahagian ini pula menerangkan definisi operasi yang digunakan dalam penyelidikan ini seperti kesahan, kebolegunaan, pencapaian dan sikap terhadap pembelajaran Fizik. Kesahan modul dan kebolegunaan modul merujuk kepada Modul MI-EM yang telah dibangunkan oleh penyelidik.

1.10.1 Kesahan Modul

Kesahan sesuatu alat pengukuran merujuk kepada sejauh mana alat tersebut mampu untuk mengukur data yang sepatutnya (Mohd Majid Konting, 2009). Kesahan Modul MI-EM pula merujuk kepada kesahan modul yang dibangunkan sama ada modul ini





dapat menepati objektif yang telah ditetapkan. Menurut Sidek Mohd dan Jamaluddin Ahmad (2005), syarat dalam kesahan modul adalah seperti; (i) menepati sasaran populasi, (ii) pelaksanaan modul adalah memuaskan, (iii) masa menggunakan modul adalah bersesuaian, (iv) penggunaan modul dapat meningkatkan pencapaian pelajar, dan (v) penggunaan modul dapat mengubah sikap pelajar ke arah yang lebih baik. Bagi kajian ini, kesahan Modul MI-EM adalah berdasarkan penilaian pakar yang dilantik dan diukur melalui soal selidik kesahan Modul MI-EM ini menggunakan skala *Likert* lima mata. Penerangan kesahan Modul MI-EM dihuraikan secara terperinci pada fasa penilaian dalam pembangunan Modul MI-EM.

1.10.2 Kebolegunaan Modul



Kebolegunaan merujuk kepada sejauh mana sesuatu produk yang dibangunkan menepati tujuannya daripada konstruk keberkesanan, kecekapan dan kepuasan pengguna (Azham Hussain, Mkpojiogu, & Zakaria Hussain, 2015). Bagi kajian ini, konstruk keberkesanan merujuk kepada sejauh mana objektif dapat dicapai dan dalam kajian ini terdapat dua dimensi yang diuji dalam konstruk keberkesanan iaitu kualiti kandungan Modul MI-EM dan strategi pembelajaran yang digunakan. Manakala konstruk kecekapan merujuk kepada kelancaran penggunaan sumber sehingga objektif dapat dicapai dengan sempurna. Konstruk kecekapan dalam kajian ini pula diukur melalui dimensi reka bentuk dan kefungsi Modul MI-EM. Konstruk yang terakhir iaitu kepuasan pula merujuk kepada keselesaan dan penerimaan pengguna. Dimensi pengalaman pembelajaran sendiri dan hasil pembelajaran dalam kajian ini digunakan untuk mengukur konstruk kepuasan responden terhadap Modul MI-EM yang





dibangunkan. Kebolegunaan Modul MI-EM dalam kajian ini diukur melalui soal selidik kebolegunaan Modul MI-EM yang menggunakan skala *Likert* lima mata dan akan diterangkan secara terperinci dalam bab metodologi.

1.10.3 Pencapaian Ujian Aruhan Elektromagnet (UAE)

Pencapaian merupakan sesuatu perkara yang berjaya dilakukan oleh seseorang dengan usaha, kemahiran, atau keberanian. Pencapaian boleh dilihat daripada pelbagai aspek seperti pencapaian diukur daripada perbezaan skor ujian pasca dan ujian pra (Kok, 2017; Winatha & Abubakar, 2018). Bagi kajian ini, pencapaian Ujian Aruhan Elektromagnet (UAE) pelajar matrikulasi dalam topik Aruhan Elektromagnet dikira dengan cara menolak skor pasca Ujian Aruhan Elektromagnet, UAE dengan skor pra UAE.

1.10.4 Sikap

Sikap merujuk kepada perasaan yang memberi kesan kepada tingkah laku berdasarkan cara berfikir. Sikap pelajar terhadap pembelajaran Fizik boleh dibahagikan kepada dua kelompok iaitu kelompok sikap novis dan kelompok sikap pakar berdasarkan tiga konstruk iaitu minat dalam meta kognisi, aplikasi Fizik dan pembelajaran Fizik (Nurulhuda Abdul Rahman, Noor Azman Razalee, Razak Abd Samad Yahya & Ong, 2011; Mohd Noor Badlilshah Abdul Kadir et al., 2016). Malah, kerangka *Hammer* 1989 dan peluasan kerangka oleh *Redish* pada tahun 1998 menerangkan sikap pelajar boleh





dibahagikan kepada struktur ilmu, kandungan ilmu dan pembelajaran Fizik (Mohd Noor Badlilshah Abdul Kadir et al., 2016).

Selain itu, perasaan dilihat pada kecenderungan minat terhadap proses mental untuk memahami subjek Fizik, dan cara berfikir pula digambarkan melalui pertimbangan untuk menyelesaikan masalah Fizik. Aspek tingkah laku pula ditunjukkan melalui respons dalam pembelajaran Fizik. Justeru itu, sikap dalam kajian ini merujuk kepada sikap terhadap pembelajaran Fizik yang diukur menggunakan Soal Selidik Sikap terhadap Pembelajaran Fizik, (STPF) dengan skala *Likert* lima mata daripada sangat tidak setuju kepada sangat setuju.



1.11 Skop Kajian

Penyelidikan ini terbatas kepada beberapa aspek. Pertama, kajian ini hanya dijalankan terhadap pelajar Program Matrikulasi Satu Tahun di Malaysia sahaja. Oleh itu, kajian ini hanya boleh digeneralisasikan kepada pelajar yang mempunyai ciri-ciri yang sama. Kedua, topik Elektromagnet dalam sukatan pelajaran BMKPM terbahagi kepada dua. Namun, dalam kajian ini hanya topik Aruhan Elektromagnet sahaja yang dipilih berbanding topik Medan Elektromagnet. Ini disebabkan hanya topik Aruhan Elektromagnet diuji semasa PSPM. Topik ini juga merupakan topik kedua tertinggi peratus markah dalam PSPM. Ketiga, Modul MI-EM dibina menggunakan platform *Moodle* yang merupakan *Learning Management System* (LMS). Walaupun Modul MI-EM boleh digunakan semasa, sebelum dan selepas pembelajaran oleh pensyarah,





namun tujuan asal Modul MI-EM dibina hanya terhad kepada pembelajaran secara sendiri (*self-study*) oleh pelajar.

Keempat, kesan Modul MI-EM diuji menggunakan reka bentuk kuasi eksperimental yang mana responden secara rawak berkelompok dipilih bagi kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan. Maka, faktor seperti umur, bangsa dan jantina tidak diambil kira dalam kajian ini. Kelima, kajian dilakukan sebelum pembelajaran Aruhan Elektromagnet di kelas. Namun begitu, pelajar masih perlu mempelajari topik yang lain semasa kajian sedang dilaksanakan. Selain itu, tempoh penggunaan modul pembelajaran sendiri adalah selama lapan minggu dan pembangunan modul adalah berdasarkan silibus program matrikulasi sesi 2018/2019.



1.12 Kepentingan Kajian

Secara amnya, hasil dapatan diharapkan dapat memberi kesan positif dan menyumbang ilmu berkaitan pembelajaran sendiri dengan menggunakan telefon pintar dalam usaha mendepani arus perubahan IR 4.0. Secara khususnya, implikasi kajian boleh dilihat dalam beberapa aspek seperti pelajar, pensyarah dan organisasi seperti BMKPM.





1.12.1 Pelajar

Penyelidikan ini diharapkan dapat membantu pelajar matrikulasi untuk lebih memahami dan menguasai topik Aruhan Elektromagnet menggunakan modul pembelajaran sendiri (MPK) seperti yang dibangunkan oleh Kok (2017) dalam topik Cahaya. Di samping itu, kajian ini mengintegrasikan teknologi iaitu penggunaan MPK melalui aplikasi *Moodle* dalam telefon pintar yang diharapkan dapat mampu membantu pelajar matrikulasi untuk lebih bersikap positif subjek Fizik seperti kajian Mohamad Siri Muslimin, Norazah Mohd Nordin, Ahmad Zamri Mansor dan Melor Md Yunus (2017). Selain itu, kajian ini diharapkan dapat membuka minda pelajar untuk meneroka bahan dan teknik pembelajaran Aruhan Elektromagnet yang lebih pelbagai pada masa hadapan (Dbowska et al., 2013).



1.12.2 Pensyarah

Penggunaan Modul MI-EM boleh dibawa ke mana sahaja dan di akses pada bila-bila masa oleh pelajar juga dapat memberi manfaat kepada para pensyarah matrikulasi. Modul ini dapat membantu pensyarah yang menghadapi kekangan masa (Azlina Mazlan, 2018) dengan memendekkan tempoh masa interaksi bersama pelajar seperti konsultasi secara bersemuka. Modul MI-EM yang menggunakan teknologi yang dibangunkan melalui teori daripada bukti kajian dan tersedia untuk digunakan dapat memberi peluang untuk pensyarah menggunakan, menerima dan mengurangkan cabaran para pensyarah yang kurang berkemahiran dalam teknologi (Fairuz Aliaa Fadzil & Siti Nur Diyana Mahmud, 2019). Di samping itu, penyelidikan ini juga



diharapkan dapat membantu pendidik untuk lebih kreatif dan mempelbagaikan alat bantu mengajar (ABM) bagi subjek Fizik dengan menggunakan teknologi semasa selari dengan aspirasi dan hala tuju KPM (KPM, 2019).

1.12.3 Organisasi

Di peringkat organisasi pula, kajian ini diharapkan dapat membantu khususnya BMKPM untuk meningkatkan pencapaian pelajar dalam subjek Fizik bagi program matrikulasi. Sejajar dengan Anjakan ke-7 dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 iaitu memanfaatkan ICT bagi meningkatkan kualiti pembelajaran di Malaysia (KPM, 2015), kajian ini diharapkan dapat membantu KPM khususnya BMKPM dalam merangka hala tuju pendidikan terutamanya dalam pembelajaran secara sendiri pelajar matrikulasi.

Malah, dapatan kajian ini diharapkan dapat memberi manfaat terutamanya perkaitan antara sikap pelajar matrikulasi terhadap pembelajaran Fizik dengan pencapaian mereka. Akhir sekali, dapatan yang diperolehi daripada kajian ini juga diharapkan menjadi panduan kepada BMKPM, universiti dan juga para penyelidik sebagai asas untuk melaksanakan kajian masa depan dalam mendepani arus perubahan dunia semasa.



1.13 Rumusan

Bab ini telah membincangkan secara terperinci mengenai latar belakang kajian dan mengupas isu-isu bagi merangka kajian yang relevan serta diharap dapat memberi sumbangan terhadap pendidikan negara. Oleh itu, objektif kajian dibina berdasarkan kepentingan dan batasan kajian dengan membangunkan dan menguji kesan Modul MI-EM berbantuan telefon pintar bagi topik Aruhan Elektromagnet dalam subjek Fizik di kalangan pelajar matrikulasi.

